






## SIARAN AKHBAR

### **INDEX HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KEEMPAT 2018 (Q4 2018)**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau *Residential Property Price Index* (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku keempat 2018. Indeks ini dihasilkan dengan data-data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi).
2. Pada suku keempat tahun 2018, RPPI adalah 86.7 yang menunjukkan penurunan sebanyak 8.7% tahun-ke-tahun berbanding dengan suku keempat tahun 2017, dan peningkatan sebanyak 1.5% berbanding dengan suku ketiga tahun 2018.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q4 2017	Dari Q3 2018
Q4 2018	86.7	-8.7	1.5





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 129 transaksi pembelian hartanah kediaman telah dicatatkan pada suku keempat tahun 2018. Kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah *detached* (56.6%), diikuti oleh rumah berkembar atau *semi-detached* (19.4%), rumah teres (15.5%), pangsapuri (7.7%), dan tanah (0.8%).
  
4. Harga median bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman pada tempoh suku keempat tahun 2018 adalah BND252,000. Harga median bagi pembelian rumah *detached* adalah BND280,000, bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND245,000, bagi rumah teres adalah BND245,000, bagi pangsapuri adalah BND240,000, dan bagi tanah adalah BND305,000.

Harga median secara keseluruhan bagi pembelian hartanah kediaman pada tempoh suku keempat tahun 2018 telah menurun sebanyak 5.6% tahun-ke-tahun berbanding dengan suku keempat tahun 2017. Jika dibandingkan dengan suku kedua ketiga 2018, harga median bagi pembelian hartanah kediaman telah meningkat sebanyak 0.8% suku tahun ke suku tahun.

5. AMBD ingin memaklumkan bahawa indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan supaya tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik ini bagi penilaian mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman adalah berbeza tertakluk kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web AMBD ([www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn)). Maklumat terkini mengenai RPPi juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram AMBD @autoriti\_monetari.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 13 Rejab 1440H/ 20 Mac 2019M

Rujukan: AMBD/COMMS/3